

Simpan Wang Untuk Keselesaan Masa Hadapan



Oleh: Nurul Syafiqah binti Zamri

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Diterbitkan pada 23 Julai 2021

Laporan tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2020 menunjukkan bahawa sebanyak 75 peratus rakyat Malaysia mempunyai wang simpanan kurang daripada RM1,000.

Statistik itu amat membimbangkan sehingga menyebabkan kita tertanya-tanya sama ada majoriti rakyat Malaysia dapat bertahan sejak sekatan pergerakan penuh dikuatkuasakan pada 1 Jun lalu.



Gambar hiasan

Bagi menjamin kehidupan yang lebih baik iaitu bebas daripada bebanan kewangan, kita seharusnya mengatur langkah lebih awal dengan mengurus dan menyimpan wang.

Percayalah, dengan menerapkan kaedah penyimpanan wang dengan betul, ia bukan sahaja dapat menyelamatkan diri daripada muflis malah dapat mengelakkan penganiayaan terhadap orang lain.

Apabila seseorang itu berdepan tekanan masalah kewangan, potensi untuk mereka berhutang adalah sangat tinggi.



Gambar hiasan

Mereka sanggup menjadikan amalan berhutang sebagai jalan pintas untuk mendapatkan wang bagi menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi.

Di sisi Islam, amalan berhutang tidak digalakkan melainkan kita benar-benar terdesak dan tiada cara lain untuk menyelesaikan masalah kewangan.

Namun, adalah menjadi kewajipan kepada orang yang berhutang untuk membayar semula wang yang telah dipinjamkan kepadanya.

Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa hutang wang kepada orang lain dan berniat akan mengembalikannya, maka Allah akan luluskan niatnya itu; tetapi barangsiapa mengambilnya dengan niat akan membinasakan (tidak membayar), maka Allah akan merosakkan dia.” (Hadis riwayat Bukhari)

Islam menyarankan umatnya menabung dengan garis panduan yang ditetapkan dalam al-Quran. Kaedah penyimpanan yang disarankan adalah berdasarkan kisah Nabi Yusuf a.s. diminta oleh seorang raja untuk mentafsirkan mimpinya.

Merujuk kepada tafsiran surah Yusuf, ayat 43 hingga 49, kita perlu memiliki disiplin yang tinggi untuk menyimpan wang dalam tempoh masa yang lama secara konsisten tanpa mengeluarkan atau menggunakan wang tersebut.

Tempoh penyimpanan wang adalah dianggarkan selama tujuh tahun dan erti kata lainnya adalah tabung simpan lupa.

Selain itu, penyimpanan untuk jangka masa yang singkat juga dilakukan dengan cara yang sama iaitu menabung dalam tempoh masa tujuh bulan.

Misalnya, jika anda ingin berhenti bekerja, anda perlu menyimpan wang yang secukupnya untuk tempoh masa anda tidak bekerja.

Penerangan jelasnya adalah jika gaji sebulan anda RM2,000, maka sebelum berhenti kerja, anda perlu menyimpan RM14,000 untuk jangka masa tujuh bulan dijangka tidak bekerja.

Simpanan jangka pendek tertumpu kepada keperluan dan perbelanjaan bulanan seperti makanan, perubatan dan kecemasan.

Simpanan jangka panjang pula adalah untuk kegunaan pada usia lanjut seperti simpanan untuk hari tua, pendidikan anak-anak, menunaikan haji dan hartanah.

Dengan keadaan ekonomi yang mempunyai pasang surutnya, ada eloknya kita merancang dan menyimpan wang bagi masa hadapan yang kita sendiri tidak tahu nasibnya.

Merancang kewangan merupakan tindakan mengelakkan diri daripada berbelanja melebihi daripada apa yang sepatutnya.

Sewaktu sekatan pergerakan penuh kita sepatutnya mengutamakan perbelanjaan yang penting sahaja seperti makanan, perubatan serta pembayaran bil elektrik dan air.

Lebih wang yang ada boleh dimasukkan ke dalam simpanan ataupun membuat bayaran balik hutang yang lama tertunggak.

Islam juga mengajar kita cara terbaik untuk melakukan pembahagian kewangan. Sistem penyimpanannya adalah berdasarkan nisbah 60:10:10:10:10.

Rangka nisbah ini adalah sebagai cadangan pengasingan wang pendapatan yang kita peroleh setiap bulan untuk dibahagikan kepada lima bahagian iaitu 60 peratus untuk

keperluan, 10 peratus untuk keinginan, 10 peratus untuk simpanan, 10 peratus untuk kecemasan, dan 10 peratus untuk sedekah.

Meskipun menyimpan wang itu nampak mudah tetapi hakikatnya ia sukar untuk dilaksanakan. Namun percayalah, mengurus dan menyimpan wang dengan baik dapat membantu kita ke arah pembangunan diri dalam jangka masa yang panjang.

Pada masa yang sama, ia akan mengurangkan krisis kewangan yang dialami oleh kebanyakan orang sekarang.

Oleh itu, jika kita dapat merancang kewangan dengan baik, kita boleh menyimpan dan memiliki wang yang mencukupi untuk mencapai masa hadapan yang lebih sempurna.